



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-32**

**CADANGAN PELAKSANAAN PENILAIAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) TAHUN 2017**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai cadangan pelaksanaan penilaian pematuhan undang-undang Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) tahun 2017.

Latar belakang

2. Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) UPM telah ditubuhkan untuk melaksanakan tugasannya sejajar dengan akta dan peraturan berkaitan alam sekitar yang terpakai dengan Universiti serta melaksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan berkala terhadap pematuhan EMS. Keahlian JKPK adalah daripada kalangan pakar alam sekitar di UPM dan peneraju bagi operasi berkaitan alam sekitar.

3. Penilaian kepatuhan bagi tahun 2016 telah dilaksanakan melalui enam (6) fasa penilaian yang melibatkan penilaian ke atas operasi berikut:

- 3.1 Pelepasan Asap Bas Bahan Bakar Diesel
- 3.2 Larangan Mengenai Merokok
- 3.3 Penjimatan Tenaga Elektrik
- 3.4 Pengurusan Bahan Kimia
- 3.5 Pengurusan Sisa Terjadual
- 3.6 Pengendalian Bahan Beracun
- 3.7 Penjimatan Penggunaan Kertas
- 3.8 Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran
- 3.9 Pelepasan Udara
- 3.10 Keperluan Lain Dalam Daftar Undang-Undang
 - (a) Rumah Sembelihan (Abbatoir)
 - (b) *Terrestrial Animal Health Code*

Cadangan Pelaksanaan Penilaian Kepatuhan UPM Tahun 2017

4. Mesyuarat JKPK Bil. 2/2016 yang telah diadakan pada 15 November 2016 telah bersetuju dengan semakan semula keahlian JKPK mengambil kira penambahan peneraju operasi serta penambahbaikan fasa penilaian kepatuhan yang akan dilaksanakan pada tahun 2017. Senarai keahlian dan fasa penilaian kepatuhan EMS tahun 2017 adalah sebagaimana **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

5. Pelaksanaan penilaian kepatuhan dilaksanakan berdasarkan Carta Perbatuan Penilaian Kepatuhan sebagaimana **Lampiran 3**.

Syor

6. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:
- (a) mengambil maklum semakan semula keahlian JKPK tahun 2017 yang akan membuat penilaian kepatuhan berdasarkan fasa penilaian yang ditetapkan;
 - (b) mengambil perhatian pelaksanaan penilaian kepatuhan tahun 2017 merujuk kepada carta perbatuan dan fasa penilaian yang telah dipersetujui oleh JKPK UPM.

Keahlian Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) EMS

Senarai Keahlian Tahun 2014 - 2016	Senarai Keahlian Tahun 2017
<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Madya Dr. Rozanah Ab Rahman, Penasihat Undang-Undang (PUU) sebagai Pengerusi JKPK; 2. Prof. Madya Dr. Mohd Bakri Ishak, Fakulti Pengajian Alam Sekitar; 3. Dr. Mariani Ho Nyuk Onn @ Ariffin, Fakulti Pengajian Alam Sekitar; 4. Tuan Hj. Mohd Nizan Jaffar, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA); 5. Tuan Hj Hashim Md Shari, Ketua Pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Pelajar; 6. Dr. Mohd Rafee Baharudin, Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; 7. Dr. Hj. Latif Hj Anwar, Bahagian Keselamatan; 8. Dr. Yahaya Abu Ahmad, Ketua Pusat Kesihatan Universiti; 9. Pn. Siti Rozana Supian, Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar; 10. Pn. Rohani Abd Latiff, Timbalan Bendahari Kanan, Pejabat Bursar; 11. Tuan Hj. Abdul Ghaffar Othman, Taman Pertanian Universiti; 12. En. Sudirman Asmadi, Ketua Pentadbiran Kampus Bintulu Universiti Putra Malaysia; 13. Urus Setia: Pejabat Penasihat Undang-undang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Mariani Ho Nyuk Onn@ Ariffin, Fakulti Pengajian Alam Sekitar sebagai Pengerusi JKPK; 2. Prof. Madya Dr. Rozanah Ab Rahman, Penasihat Undang-Undang (PUU); 3. Prof. Madya Dr. Wan Azlina Wan Abdul Karim, Fakulti kejuruteraan – Lantikan baharu; 4. Dr. Faradiella Mohd. Kusin, Fakulti Pengajian Alam Sekitar – Lantikan baharu; 5. Dr. Elistina Abu Bakar, Fakulti Ekologi Manusia – Lantikan baharu; 6. Dr. Mohd Rafee Baharudin, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - Peneraju Pengurusan Bahan Kimia, Sisa terjadual, Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran, Kebuk Wasap; 7. Ketua Pentadbiran, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) - Peneraju Asap Bas; 8. Tuan Hj. Abdul Ghaffar Othman, Taman Pertanian Universiti - Peneraju Bahan Beracun; 9. Tuan Hj. Mohd Nizan Jaffar, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset - Peneraju Penjimatan Elektrik dan Kumbahan; 10. Encik Mohd. Fuad Mahmood, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset - Peneraju <i>Generator Set</i> – Lantikan baharu; 11. Puan Nor Adida Abd Khalid, Pejabat Pendaftar - Peneraju sumber manusia dan kompetensi staf; 12. Encik Sudirman Asmadi, Fakulti Sains Pertanian Makanan, Bintulu - Peneraju <i>Insinerator</i> – Lantikan baharu; 13. Dr. Zaidi Suif, Fakulti Sains Pertanian Makanan, Bintulu - Peneraju Rumah Sembelihan (<i>Abattoir</i>) – Lantikan baharu; 14. Encik Ludinata Misnun, Fakulti Perubatan Veterinar - Peneraju <i>Terrestrial Animal Health Code</i> – Lantikan baharu; 15. Puan Zainaf Udin, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan - Peneraju <i>Boiler</i> – Lantikan baharu; 16. Puan Noorizai Mohamad Noor, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti; 17. Puan Rozi Tamin, Pusat Jaminan Kualiti (CQA) - Setiausaha

**Fasa Penilaian Kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)
Universiti Putra Malaysia**

FASA 2016 (Laporan Penilaian Bagi Tahun 2015)	FASA 2017 (Laporan Penilaian Bagi Tahun 2016 dan seterusnya)
<p>Fasa 1: Pelepasan Asap Bas Bahan Bakar Diesel, Larangan Mengenai Merokok dan Penjimatan Tenaga Elektrik.</p> <p>Fasa 2: Pengurusan Bahan Kimia dan Pengurusan Sisa Terjadual.</p> <p>Fasa 3: Pengendalian Bahan Beracun dan Penjimatan Penggunaan Kertas.</p> <p>Fasa 4: Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran.</p> <p>Fasa 5: Pelepasan Udara.</p> <p>Fasa 6: Keperluan Lain Dalam Daftar Undang-Undang</p> <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Larangan mengenai merokok tidak dibuat penilaian kerana di luar skop EMS. ii. Penjimatan penggunaan kertas dikeluarkan bagi penilaian kerana tiada undang-undang yang terkait. 	<p><u>Fasa 1:</u> Pelepasan Pencemar Udara dari:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Enjin Diesel <ul style="list-style-type: none"> i. Asap Bas. ii. Generator Set. (b) Premis <ul style="list-style-type: none"> i. Pembakaran Bahan Api bagi Penjanaan kuasa dalam Dandang (Boiler). ii. Pembakaran Bahan buangan (Incenerator). iii. Penggunaan Pelarut/Bahan kimia (Kebuk wasap). <p><u>Fasa 2:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengurusan Bahan Kimia (b) Pengurusan Sisa Terjadual <p><u>Fasa 3:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengendalian Bahan Beracun (b) Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran <p><u>Fasa 4:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengurusan Kumbahan (b) Penjimatan Elektrik (c) Keperluan Lain Dalam Daftar Undang-Undang <ul style="list-style-type: none"> i. Rumah Sembelihan ii. <i>Terrestrial Animal Health Code</i>

CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN PENILAIAN KEPATUHAN UPM

PROSES/AKTIVITI	2017											
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
1. Penyediaan laporan pemeriksaan penilaian kepatuhan di bawah skop EMS yang berada di bawah seliaan Peneraju Operasi masing-masing <i>(Menggunakan Checkpoint penilaian yang disediakan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang berdasarkan Daftar Undang-Undang terkini)</i>	Laporan fasa 1-3 (bagi tempoh tahun 2016)					Laporan Fasa 4 (bagi tempoh tahun 2016/2017)						
2. Penilaian kepatuhan selaras dengan undang-undang alam sekitar melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) - JKPK Bil. 1/2017: 25 Mei 2017 - JKPK Bil. 2/2017: 14 Dis. 2017					F-1, 2, 3						F-4	
3. Penyediaan laporan penilaian kepatuhan untuk mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) - 28 Julai 2017												
4. Pelaporan hasil penilaian kepatuhan dalam MKSP ISO tahun 2017 - 22 Ogos 2017								F-2-5 (2016) & F-1-3 (2017)				

Nota:
F - Fasa